

**UNIT**  
**3**
**JOHAN KATEGORI SERANGAN**
**NOTA**  
**Classroom**

**KEMAHIRAN MENGHANTAR DAN MENERIMA**

1. Kemahiran ini digunakan untuk menggerakkan bola dengan pantas ke kawasan lawan.
2. Jika rakan berada jauh, bola ditolak dengan kuat, manakala jika rakan berada dekat, bola ditolak dengan perlahan.
3. Kedudukan titik kontak di antara alatan dengan bola amat penting untuk memastikan ketepatan, ketinggian, arah dan kelajuan bola.


**KEMAHIRAN MENGELECEK**

Kemahiran mengelecek ialah mengawal dan membawa bola bagi melepasi pihak lawan secara individu dengan menggunakan kaki, tangan dan alatan.



## KEMAHIRAN MENGADANG

1. Mengadang ialah kemahiran pemain yang mengawal pergerakan pemain lawan daripada menyerang atau menjaringkan gol.
2. Matlamat mengadang adalah untuk menghalang pihak lawan daripada melakukan serangan yang mungkin dilakukan hingga mampu menghasilkan gol.
3. Pengadang perlu mendekati diri dan membayangi pemain lawan untuk menghalang pemain lawan daripada menghantar bola kepada rakannya.



## KEMAHIRAN MEMINTAS DAN TAKEL

1. Kedua-dua kemahiran ini bertujuan untuk merampas bola daripada pihak lawan dan menghalang mereka menjaringkan gol.
2. Kemahiran memintas memerlukan koordinasi antara mata, tangan dengan kaki.
3. Takel dilakukan dengan anggota badan seperti kaki dan tangan.



Memintas



Takel

## KEMAHIRAN MENJARING



Kebolehan mengatasi pemain pertahanan serta penjaga gol lawan dengan memasukkan bola ke dalam gawang lawan.